

20/04/2000

Yuran larian untuk pelajar dikurangkan

Haryani Ngah

YURAN penyertaan untuk larian `Malaysia Boleh' Piala Thomas/Uber dikurangkan buat pelajar dalam usaha untuk menarik penyertaan besar mereka.

Pengarah Gold Bridge Engineering and Construction Berhad, Mustapha Hamid, berkata pihaknya bersetuju mengurangkan yuran penyertaan pelajar daripada RM5 kepada hanya RM1.50. Yuran penyertaan bagi kategori lain kekal RM10.

"Potongan harga ini dibuat untuk menarik lebih ramai generasi muda menyertai acara larian yang penuh berprestij ini di samping melahirkan kesedaran terhadap kepentingan sukan di Malaysia pada masa akan datang," katanya semalam.

Larian `Malaysia Boleh' Piala Thomas/Uber yang akan berlangsung di Dataran Merdeka pada 7 Mei ini, adalah antara acara kemuncak sebelum kejohanan bermula.

Kira-kira 5,000 peserta dijangka mengambil bahagian dalam acara larian itu yang bertujuan untuk memberi semangat kepada pemain badminton kebangsaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka hadir untuk menyampaikan hadiah di samping mengumumkan keputusan peraduan meneka jumlah bulu tangkis sempena kejohanan itu.

Larian itu membabitkan tujuh kategori, terbuka lelaki, lelaki senior veteran, lelaki junior veteran, terbuka wanita, wanita veteran serta remaja lelaki dan wanita.

Setiap peserta akan berlari sejauh tujuh kilometer untuk memenangi hadiah keseluruhan berjumlah RM10,500.

(END)